

Dua ceritakan persiapan hadapi 'pergaduhan kaum'

KOMEN TERIMA HIMPAL DLM NG

DUA daripada empat orang yang ditahan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD) telah menceritakan bagaimana mereka membuat persiapan untuk menghadapi satu pergaduhan kaum yang dikatakan akan berlaku pada atau sekitar 13 Mei lalu. **PERKAWANAN**

Dalam wawancara yang disiarkan menerusi televisyen malam tadi, Maznan bin Awi, 30 tahun, menceritakan: **PINAK / SIKI**

"Saya percaya yang rusuhan kaum itu akan berlaku ekoran perjumpaan saya dengan seorang daripada anggota ilmu silat kebatinan *Asma'ul Husna* pada 13 April, yang mengatakan bahawa rusuhan kaum akan berlaku pada 13 Mei ini."

Maznan juga menyebut tentang perjumpaannya dengan seorang lagi ahli kumpulan silat kebatinan, *Jaya Sakti*, yang juga mengatakan bahawa gurunya meramalkan akan terjadinya rusuhan kaum pada 13 Mei itu.

"Saya merasa insaf dan sedar akan perbuatan saya, kerana kalau rusuhan itu terjadi, akibatnya terlalu buruk. Saya bersyukur kerana berita rusuhan yang saya sebarkan itu tidak menyebabkan rusuhan perkauman yang sebenarnya," katanya.

Mengaku

Maznan adalah pegawai bomba dan keselamatan yang telah dipecat daripada perkhidmatan polis dalam tahun 1986 kerana menyerang seorang awam.

Seorang lagi tahanan, Mohd Noor bin Kasmadi, 37 tahun, pula berkata:

"Pada 19 April, ketika saya mengajar agama di rumah saya di Ubi Avenue, sahabat lama saya yang bernama Maznan bin Awi, telah datang ke rumah saya dan mengatakan bahawa dia telah menerima maklumat daripada orang yang boleh dipercayai, bahawa rusuhan itu akan berlaku pada 13 Mei ini. - 4 JUN 1987

"Dia mengaku dirinya sebagai ahli kumpulan kebatinan *Budi Suci Sejati*.

"Dia juga telah memberi ceramah pada murid saya seramai 15 orang dan menggesa untuk membuat persiapan dari segi kebatinan dan juga meminta seramai 10 orang daripada murid saya untuk dilatih dalam segi kebatinan *Budi Suci Sejati*.

"Persiapan yang saya

4
lakukan ialah dengan menggesa murid-murid saya untuk beramal lebih lagi mengenai kebatinan yang telah saya turunkan iaitu kebatinan urusan *Asma'ul Husna* yang telah saya pelajari.

"Saya juga telah menyiapkan beberapa helai selempang merah dan telah menyerahkannya kepada beberapa orang murid saya sebagai persiapan untuk menghadapi rusuhan ini.

"Saya telah mengisi dengan kebatinan akan beberapa bilah parang kepunyaan murid saya, iaitu dengan ilmu-ilmu yang saya ketahui."

Mohd Noor, seorang konstabel polis di Balai Polis Tanglin, juga berkata:


Melaporkan

"Saya sekarang kesal dan sedar serta insaf, tindakan yang saya ambil ini menyalahi dari segi undang-undang negeri. Sepatutnya sebagai seorang pegawai polis, saya melaporkan perkara tersebut kepada pegawai yang berkenaan.

"Saya kesal dan sedar serta bersyukur sebab saya ditahan sebelum berlakunya gerakan rusuhan tersebut.

"Sebab jika tidak, mungkin saya akan bertindak dengan perkara-perkara yang tidak di ingini. Ia juga akan melibatkan murid saya dan mungkin menyusahkan orang lain yang tidak bersalah.

"Dan saya telah insaf sekarang akan perkara ini untuk kembali kepada masyarakat menjadi warganegara yang berguna di sisi kita di Singapura."



• TULISAN-TULISAN yang terdapat pada salah satu kain selempang yang kononnya akan menjadikan si pemakainya kebal.